



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

20hb Jun 2002

No. 13

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 349.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Encik Deraman bin Awang Kechik K/P. 290906-03-5065 yang beralamat di Bukit Payong, 22010 Jerteh, Besut, Terengganu untuk mendapatkan satu (1) keterangan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana dinyatakan dalam jadual di bawah yang diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Nerus. No. Lot—10093. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 2152. Luas—0.1813 hektar.

Bertarikh 23 Mei 2002.
[PTS. 00/55/2002/B001 (47).]

AHMAD AZIZI BIN ZULKIFLI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Setiu

No. 350.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohamad bin Abdul Samad yang beralamat di QTRS Pos Malaysia, 23300 Ketengah Jaya, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Jabi. No. Lot—506. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 201. Luas—0.4764 hektar.

Bertarikh 28 Mei 2002.
[PTB. 04/55/2002/0018 (3).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 351.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mamat @ Mohammad bin Abdullah yang beralamat di No. 848, Balai Penghulu, Mukim Jabi, 22000 Jerteh, Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Jabi. No. Lot—2648. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 114. Luas—3.4879 hektar.

Bertarikh 28 Mei 2002.
[PTB. 04/55/2002/0017 (3).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 352.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Zarimah binti Zakaria yang beralamat di No. 2985, Belakang Klinik Bidan, Kampung Bharu, Kuala Besut yang menerangkan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Pelagat. No. Lot—1061. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 332. Luas—1.1915 hektar.

Bertarikh 28 Mei 2002.
[PTB. 12/55/2002/0016 (3).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 353.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Encik Mohd. Sidek bin Baharom K/P. 1/10268 yang beralamat di Balai Polis Pengkalan Hulu Keroh, Perak, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan-pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima dari pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Besut, Terengganu pada hari Isnin 15 Julai 2002 pada pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261 (1) (c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan memajukan sebabnya mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kampung Raja. No. Lot/Petak/PT.—3271. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 781. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 154/91; Folio 6; Jilid 10.

Bertarikh 7 Mei 2002.
[PTB. 05/53/2002/0001 (7).]

AB. RASID BIN JUSOH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 354.**PEMBERITAHU-PEMBERITAHU LELONGAN AM**

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan Lot PT. 4223 di Daerah Belad Oh, Mukim Hulu Besut.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Selasa 27 Ogos 2002 jam 10.00 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- (i) Daerah — Belad Oh.
- (ii) Keluasan (sementara) — 1.000 hektar.
- (iii) Jenis Penggunaan — Pertanian (Dusun).
- (iv) Suratan Hakmilik — Pajakan Mukim (99 tahun).

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM12,000.00.

(c) Harga Tambahan:

(i) Hasil Tahunan	—	RM 10.00
(ii) Bayaran Upah Ukur	—	RM 50.00
(iii) Tanda Sempadan	—	RM 25.00
(iv) Persediaan Pelan	—	RM 5.00
(v) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Sementara	—	RM 20.00
(vi) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal	—	<u>RM 20.00</u>
	Jumlah:	<u>RM130.00</u>

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

- (i) Pentadbir Tanah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
- (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
- (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang kesembilan puluh (90) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya.

- (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur, maka hendaklah dikeluarkan Keterangan Hakmilik Sementara.
- (vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.
6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH, BESUT.

Bertarikh 20 Mei 2002.
[PTG. TR. 01/75/2001/0005;
PTB. 03/71/2000/0051.]

AB. RASID BIN JUSOH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 355.

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan Lot PT. 4238 di Daerah Durian Kunyit, Mukim Hulu Besut.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 19 Ogos 2002 jam 10.00 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- | | | |
|---------------------------|---|--------------------|
| (i) Daerah | — | Durian Kunyit. |
| (ii) Keluasan (sementara) | — | 0.6043 hektar. |
| (iii) Jenis Penggunaan | — | Dusun (Pertanian). |
| (iv) Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM3,600.00.

(c) Harga Tambahan:

- | | | |
|--|---|-----------------|
| (i) Hasil Tahunan | — | RM 8.00 |
| (ii) Bayaran Upah Ukur | — | RM 50.00 |
| (iii) Tanda Sempadan | — | RM 20.00 |
| (iv) Persediaan Pelan | — | RM 5.00 |
| (v) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik
Sementara | — | RM 20.00 |
| (vi) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal | — | <u>RM 20.00</u> |
| | | Jumlah: |
| | | <u>RM123.00</u> |

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.
5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:
- (i) Pentadbir Tanah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penysambut lelong.
 - (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
 - (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
 - (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang kesembilan puluh (90) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya.
 - (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur, maka hendaklah dikeluarkan Keterangan Hakmilik Sementara.
 - (vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.
6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH, BESUT.

Bertarikh 20 Mei 2002.
[PTG. TR. 01/75/2002/0025;
PTB. 03/75/2002/0001.]

AB. RASID BIN JUSOH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

No. 356.

(Seksyen 28)

NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang beralamat di Jabatan Perkhidmatan dan Teknologi, Bahagian Undang-Undang dan Hal Ehwal Korporat, Aras 68, Tower 1, Petronas Twin Towers, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur (Ruj.: 1-LSD-4-350-4-H44219), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Halim bin Mohd. Jani K/P. 700309-71-5029 yang beralamat di No. 253, Perumahan Panalex, 24300 Kerteh, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 24 Jun 2002 jam 11.00 pagi ditangguhkan kepada:

Tarikh : 29 Julai 2002 (Isnin).

Jam : 10.30 pagi.

Tempat : Di Bilik Penolong Pentadbir Tanah 1,
Pejabat Tanah, Dungun.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—6996. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 5323. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 280/1998; Folio 33; Jilid 2 dan No. Perserahan 595/2000.

Bertarikh 22 Mei 2002.

[PTD. 07/53/2002/0007 (9).]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH,

b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

Hak Cipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA